

**Rosnah Mahu Tindakan Tegas Terhadap Wakil Rakyat Hina Raja Melayu
Bernama
19 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Pergerakan Puteri Umno menyifatkan barisan kepemimpinan pembangkang sebagai tidak menghormati institusi raja dan menyokong desakan agar tindakan tegas dikenakan kepada yang terbabit.

Ketua sayap Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin berkata pergerakan itu juga kesal dengan sikap pemimpin pembangkang yang seolah-olah merestui kebiadapan wakil rakyat mereka terhadap raja-raja Melayu.

"Malah kenyataan mereka kononnya isu tersebut sengaja diperbesarkan bagi tujuan politik dan tidak sepatutnya dibangkitkan menjadi satu lagi bukti betapa pakatan pembangkang menyokong tindakan biadap yang akan meruntuhkan rasa hormat kepada institusi diraja," katanya dalam kenyataan, di sini Khamis.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berhubung isu tersebut yang menyifatkan perkara berkenaan sebagai remeh dan sengaja dipolitikkan.

Baru-baru ini beberapa wakil rakyat pembangkang yang menghadiri istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong ke-14 di Istana Negara, didakwa mempersenda-sendakan raja-raja Melayu yang berangkat ke istiadat tersebut.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660406>